

CNS6181

U PB 31-01 00205 BA124

aab

Mahathir - Sabah

BN MAHU BENTUK KERAJAAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DI SABAH

BEAUFORT, 31 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa sebuah kerajaan negeri yang benar-benar bersih, cekap dan amanah akan dibentuk jika Barisan Nasional memenangi pilihan raya negeri pada 18 dan 19 Feb ini.

"Kerajaan BN Sabah yang baru itu akan berbeza dengan kerajaan BN yang pernah memerintah negeri ini dulu," katanya ketika berucap di hadapan lebih 10,000 orang pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Bandaran di sini petang ini.

Perdana Menteri berkata: "Kita akan dirikan kerajaan BN yang berbeza dengan kerajaan BN yang lama. Kerajaan ini akan bekerja untuk rakyat... melawat ke kawasan untuk mendengar rintihan rakyat dan bertindak mengatasinya".

Pengerusi BN itu berkata sekiranya pemimpin BN yang bakal mentadbir kelak gagal melaksanakan tanggungjawabnya, mereka akan digantikan dengan pemimpin lain yang bersih, cekap dan amanah.

Kerajaan negeri Sabah sebelum ini ditadbir oleh BN sehinggalah Parti Bersatu Sabah (PBS) keluar daripada gabungan itu menjelang pilihan raya umum 1990.

Dr Mahathir berkata: "Inilah janji BN. Apa yang dijanjikan akan ditunaikan dan Sabah akan menjadi negeri yang cemerlang dan berjaya di Malaysia," katanya. -- Lagi

▼31/01/18-16MST

U PB 31-01 00157 BA127

aab

Mahathir - Sabah 2 Beaufort

Dr Mahathir berkata Sabah Baru yang akan ditadbir oleh BN kelak adalah untuk orang Sabah sendiri dan bukan diperintah dari Kuala Lumpur seperti yang didakwa oleh pemimpin PBS yang mahu menghasut pemikiran rakyat negeri ini.

Katanya, BN yakin rakyat Sabah mahukan kerajaan yang mentadbir negeri ini benar-benar jujur dan tidak terlibat dengan rasuah.

"Saya beri jaminan bahawa saya dan rakan-rakan saya (daripada parti komponen BN) akan ambil tindakan terhadap pemimpin BN di Sabah jika mereka menyeleweng. Kita biasa ambil tindakan terhadap Menteri Besar atau Ketua Menteri jika mereka melakukan kesalahan," katanya.

Beliau berkata BN tidak akan membiarkan pemimpinnya di Sabah kelak hanya memperjuangkan diri sendiri dan keluarga mereka sahaja, tetapi yang memberi kesenangan kepada rakyat.

"Kita nak mereka kerja kuat untuk rakyat bukan untuk diri sendiri. Kalau mereka tidak tahu kita akan beri tunjuk ajar dan asuhan," kata beliau. -- lagi

▼31/01/18-31MST

U PB 31-01 00157 BA130

aab

Mahathir - Sabah 3 Beaufort

Kata Dr Mahathir, pemimpin yang mementingkan diri sendiri akan digantikan dengan orang lain bagi memastikan rakyat Sabah mendapat projek-projek pembangunan dan terus terbela.

Katanya, BN juga akan memastikan calon-calonnya pada pilihanya raya negeri kelak akan terdiri daripada mereka yang mempunyai semangat dan lurus yang terdiri daripada orang-orang Sabah sendiri.

Menurut beliau sudah sampai masanya negeri Sabah di bangunkan seperti negeri-negeri lain di Malaysia.

Perdana Menteri berjanji sebuah universiti akan didirikan di Sabah sekiranya BN memenangi pilihan raya itu.

"Bukan itu sahaja malah banyak lagi projek pembangunan akan dilaksanakan untuk faedah rakyat Sabah," katanya.

Katanya, Sabah sepatutnya lebih maju daripada kebanyakan negeri di Malaysia sekiranya ia ditadbirkan dengan betul kerana ia mempunyai potensi yang lebih baik daripada sesetengah negeri.

"Rancangan BN untuk membangunkan Sabah bukan merupakan rancangan di atas kertas sahaja tetapi untuk dilaksanakan bagi dinikmati," katanya. --
Lagi

▼31/01/18-4JMS

U PB 31-01 00114 BA131

aab

Mahathir - Sabah 4 (akhir) Beaufort

Perdana Menteri juga berkata, Kerajaan Persekutuan tidak mahu campurtangan sekiranya pentadbiran kerajaan negeri di Sabah berjalan baik dan rakyat dapat merasai nikmat pembangunan.

"Kita cuma akan ambil tindakan jika sesuatu yang tidak baik berlaku. Bagaimanapun, kita yakin tidak ada rakyat Sabah inginkan kerajaannya buat salah, tipu dan makan duit," katanya.

Beliau berkata golongan yang tidak suka campurtangan terhadap perbuatan jenayah adalah golongan yang mahu melakukan jenayah.

Menurutnya, pilihan raya Sabah kali ini adalah penting bagi rakyat Sabah untuk mengubah nasib mereka yang selama ini tidak terbela di bawah pemerintahan PBS selama sembilan tahun. -- Bernama

MOK SIA